

NASKHAH PERCUMA

قریبان کما جوان اقصاد نگزی ملنت



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

PENGERAK PEMBANGUNAN UMMAH BIL 4 / NOV 2012 - JAN 2013 [www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)



# ICT INCUBATOR CENTRE PENERAJU ICT DI KELANTAN

► MS 5

Binaraya Peneraju Industri Perumahan Kelantan ► MS 10

Kelstone Meterai Perjanjian Pengkuarian Batu Marmar ► MS 16

Projek Hotel Apartment Embunuri Dilancarkan ► MS 13


Strategi Perniagaan Abdul Rahman bin Auf ► MS 20



Daripada Abu Yaala Syaddad bin Aus RA daripada Nabi SAW sabdanya, “Orang yang bijak itu ialah mereka yang mengambil berat tentang dirinya dan beramal untuk selepas mati. Manakala orang yang lemah itu ialah mereka yang menurutkan hawa nafsunya sedangkan dia bercita-cita untuk menjadi hamba Allah yang direhái.”

(Hadith Riwayat at-Tirmizi)





- 4 Perutusan Ketua Eksekutif
- 5 ICT Incubator Centre Peneraju ICT di Kelantan
- 10 Binaraya Peneraju Industri Perumahan Kelantan
- 13 Projek Hotel Apartment Embunuri Dilancarkan
- 16 Kelstone Meterai Perjanjian Pengkuarian Batu Marmor
- 17 PKINK Sertai Kembara Bahasa
- 17 Belasungkawa Mohd Adilan
- 18 MIB Perhebat Promosi Untuk Tarik Pelancong
- 20 Strategi Perniagaan Abdul Rahman bin Auf
- 23 Penyakit Bawaan Komputer
- 26 PKINK Tempat Keempat SUPERB 2012
- 27 Dingin Teduhan Syurgawi: Amanah Yang Terabai -Bhg 2



# Perutusan Ketua Eksekutif

## Assalamu'alaikum warahmatullah wa barakatuh

Alhamdulillah, dipanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas nikmat dan rahmatnya kita dapat berada di dalam tahun baru 2013 ini dengan penuh keafiatan bagi meneruskan tugas dan peranan kita sebagai hamba Allah dan khalifahNya di muka bumi ini.

Pada kesempatan ini saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2013 semoga tahun baru ini lebih baik dari tahun sebelumnya dalam segala apa yang kita ceburi baik dalam lapangan kerjaya, keluarga, dakwah dan selainnya. Saya juga berharap anggota Kumpulan PKINK dapat sama-sama mengembelengg usaha dan buah fikiran agar Kumpulan PKINK menjadi bertambah utuh bagi membolehkan ia berperanan sebagai Penggerak Ekonomi Ummah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk Membangun Bersama Islam.

Sebagaimana yang umum maklumi, pembangunan dan pentadbiran adalah nadi utama sesebuah kerajaan. Kecekapan membangun dan mentadbir sesebuah kerajaan akan memastikan kelangsungan kerajaan tersebut, dan begitulah sebaliknya.

Menyedari bahawa membangun dan mentadbir sebuah kerajaan adalah satu amanah dari Allah SWT yang akan dipersoalkan kelak, maka kerajaan Negeri Kelantan telah mengambil satu pendekatan ke arah mewujudkan pentadbiran yang lebih efisien dan bertanggungjawab terhadap rakyat samada di dunia ini mahupun di akhirat nanti.

Berdasarkan kepada slogan Membangun Bersama Islam dengan tiga sendi utamanya Ubudiyah, Mas'uliah dan Itqan, Kerajaan Negeri berusaha mentadbir dan membangunkan Negeri Kelantan Darul Naim, Negeri Serambi Mekah dengan tadahan wahu daripada Nya supaya rakyat Kelantan terdidik dengan sifat dan sikap bertaqa hany kepada Allah SWT.

Membangun Bersama Islam bererti, kepimpinan yang menelekkan tanggungjawab di dunia dan di akhirat dengan meletakkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai rujukan utama, dan Ulama' sebagai paksi kepimpinan. Ianya menuntut pelaksanaan syariat Allah, menyampaikan dakwah, berusaha menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Dasar ini bermatlamat untuk memastikan semua urusan pemerintahan dan pentadbiran negeri yang dirancang adalah selari dengan matlamat Membangun Bersama Islam berpandukan ajaran al-Quran dan Sunnah. Seawal pelaksanaan pentadbiran, Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan memperkenal, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar

dan program-program ke arah merealisasikan hasrat untuk Membangun Bersama Islam. Dasar dan program-program utama yang telah dilaksanakan akan terus diperkuuh dan dipertingkatkan pelaksanaannya dan PKINK tidak terkecuali dalam melaksanakannya. Secara ringkasnya, dasar Membangun Bersama Islam yang telah diaplikasikan oleh Perbadanan dikatogerikan kepada tiga aspek iaitu-

- 1. Program pentadbiran dan kewangan;**
- 2. Program kemajuan Islam;**
- 3. Program pembangunan dan kesejahteraan rakyat.**

Keutuhan Kumpulan PKINK bukan terletak di bahu pihak Pengurusan Kumpulan sahaja tetapi ianya juga terletak kepada kesatuan dan kesepaduan semua anggota. Kekuatan yang kita ada merupakan kekuatan yang kolektif dengan tunjang bagi kekuatan tersebut ialah ketaqwaan, ibarat sebuah empangan yang penuh taqwa dengan air yang boleh menghasilkan kuasa-kuasa perubahan. Dari sinilah tumbuhnya sikap amanah, jujur, sanggup berkorban, mengutamakan misi syarikat, bekerja keras, setiaawan, siapsiaga untuk menambah ilmu dan kemahiran serta lain-lain yang menjadi rempah ratus ke arah melengkapkan diri sebagai anggota Kumpulan PKINK.

Fokus kita bagi tahun 2013 ialah memastikan semua sektor utama Kumpulan PKINK iaitu Perladangan, perkhidmatan dan hartaan dapat memberi tumpuan ke arah usaha untuk meningkatkan kecekapan prestasi serta meneroka peluang-peluang baru dalam bisnes yang dijalankan terutama menerusi pelaburan strategik yang mampu menjana pulangan yang besar kepada syarikat.

Terlalu banyak yang ingin kita lakarkan pada tahun ini namun terlalu sedikit masa yang tinggal untuk kita melaksanakannya. Justeru, saya menyeru kepada seluruh anggota Kumpulan PKINK agar memberi sokongan yang padu, jitu dan tidak berbelah bahagi kepada pihak Pengurusan Kumpulan PKINK dalam merangka serta melaksanakan perancangan yang telah diatur. Harapan saya ialah agar kita dapat berada, berperanan dan menyumbang kepada kejayaan Kumpulan PKINK bagi mencapai keberkatan Allah. Smeoga amanah yang diberi dapat kita laksanakan dengan pertolongan Allah.

Semoga tahun 2013 menjadi tahun yang bermakna kepada Kumpulan PKINK, menjadi kebanggaan kepada anggota Kumpulan dan menjadi satu ketandaan jasanya kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

### PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah  
*Ketua Eksekutif*

### EDITOR

Mohd Roslan b. Mohd Zain  
*Penolong Pengurus Pengurusan  
Sumber Manusia*

### WARTAWAN

A. Ubaidillah Alias  
Tengku Petra Tengku Wook  
Pn. Sofia Aizan bt. Che Soh  
Pn. Zakiah bt. Mohamed  
Pn. Hawa bt. M.Salleh  
Ramli b. Hamzah

### JURUGAMBAR / PENGEDARAN

*Tuan Hissam Tuan Mamat*

### PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri  
Kelantan  
Tingkat 8-11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharan,  
15710 Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 09-7414141 Fax: 09-7414069

### PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd.



# ICT Incubator Centre peneraju ICT di Kelantan

**K**EHDUPAN manusia mengalami perubahan mendadak dengan terciptanya alat yang dinamakan komputer. Mesin seumpama otak manusia itu banyak meringankan tugas kita. Malah kehidupan manusia menjadi lebih ringkas dan mudah dengan kemunculan mesin tersebut.

Kemunculan komputer seiring dengan perkembangan tamadun manusia. Revolusi perindustrian yang bermula di Perancis pada abad ke-18 melahirkan banyak ciptaan baru bagi manfaat manusia.

Sejak zaman lampau lagi manusia menggunakan pelbagai alat untuk merekod maklumat. Orang Sumeria menggunakan tanah liat. Orang Greek dan Romania pula menulis di kepingan kulit kayu nipis. Orang Mesir pula menggunakan papyrus sebagai tempat menulis. Alat mengira Cipoa digunakan sejak zaman Babylon pada 2000 tahun Sebelum Masihi (SM). Tamadun Mesir kemudian menambah baik peralatan itu pada 460 tahun SM.

Alat yang dicipta Howard Aiken pada 1937 menggabungkan komponan elektronik dan mekanik.

Mesin ciptaan Aiken merintis pembangunan dan perkembangan komputer elektronik di zaman moden.

Komputer ABC pula dicipta Dr John Vincent Atanasoff dan Clifford Berry yang dikenali sebagai Atanasoff Berry Computer pada 1942. Ciptaan mereka menggunakan tiub vakum elektronik menggantikan komponen mekanikal.

Bermula dari situlah penciptaan komputer terus berkembang sehingga ke generasi kelima sekarang. Komputer generasi kelima mempunyai kemampuan mengesan, bersuara, bergerak, berfikir dan sebagainya tanpa perlu kawalan manusia secara sepenuhnya.

Hari ini perkembangan teknologi komunikasi maklumat (ICT) begitu pantas. Bermula dengan mesin perkasaan yang agak besar, namun sekarang saiznya hanya sebesar tapak tangan. Pada tahun 1999 kemunculan komputer Psion Siri 5MX boleh dibawa ke mana-mana dengan memasuk ke dalam poket.

Komputer poket Psion dilengkapi dengan pemproses kelajuan tinggi, memori 16 MB dan pusat pesanan terbina dalam. Pengguna boleh mengakses internet biar pun berada di luar pejabat. Perkembangan komputer menjadi terlalu cepat di era ICT yang menjadi ledakan di alam siber.



Komputer sekarang bukan lagi sebagai mesin untuk menyimpan dan memproses data, malah segala bahan boleh dihantar dengan mudah dengan bantuan komunikasi maya di era siber. Kemunculan internet pada akhir 1980-an menyebabkan penggunaan komputer menjadi semakin diperlukan.

Kalau sebelum ini komputer hanya melengkapkan keperluan di pejabat, namun sekarang segalanya sudah berubah. Komputer yang merupakan komponen ICT melengkapkan kehidupan manusia di zaman moden. Tanpa adanya kemudahan ICT manusia merasa terasing daripada perkembangan semasa. Maka tidak hairanlah penggunaan istilah maklumat di hujung jari ternyata benar-benar menjadi realiti sekarang.



**Mohd Ridzuan Sidek**

Kemunculan internet bermula dengan World Wide Web (WWW). Ia merupakan bahasa pengaturcara komputer. Internet menyambung berjuta tapak maklumat yang boleh dicapai sesiapa sahaja. Tapak web sekarang dibangunkan dengan kemudahan multimedia. Pengguna cuma memilih alamat WWW mana yang disukai.

Manakala tapak web pula menggunakan bahasa pengaturcaraan seperti Hypertext Markup Language (HTML), Virtual Reality Markup (VRML) dan Java.

Kemudahan internet di Malaysia pada peringkat awal disediakan oleh Telekom dan MIMOS Bhd. Bagaimanapun sekarang setiap pembekal rangkaian talian telefon pintar menyediakan kemudahan internet tanpa wayar kepada pengguna termasuk Celcom, Maxis, Digi dan Hotlinks.

Perkembangan pesat ICT menyebabkan kerajaan Malaysia turut membangunkan industri teknologi tinggi menerusi projek Koridor Raya Multimedia (MSC). Pelancaran MSC diiringi dengan pakej kewujudan Cyberjaya, Universiti Multimedia dan Makmal NTT Corp.

Cyberjaya merupakan bandar raya pintar bagi mewujudkan ekonomi dan masyarakat bermaklumat. ia dilancar bekas Perdana Menteri, Tun

Selain Cyberjaya tiga lagi projek yang dimajukan di bawah MSC iaitu Kuala Lumpur International Airport (KLIA), Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Putrajaya. Bagi rakyat Kelantan lebih membanggakan lagi apabila ICT Incubator Centre Sdn Bhd (IICSB) turut mendapat status MSC.

Dr Mahathir Mohamad pada 1999. Cyberjaya yang terletak di kawasan seluas 7,000 hektar berhampiran Dengkil dan Putrajaya menjadi nadi pembangunan MSC. Kos pembangunannya sebanyak RM2.3 bilion.

Komponen MSC meliputi Universiti Multimedia Malaysia yang mula beroperasi pada Julai 1999. Selain itu terdapat syarikat yang diberi status MSC antaranya Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Telekom Malaysia, NTT MSC, BT Multimedia, Arthur Anderson, International Business Systems, APCC, Computer Monitoring and Control, GTM Holdings, Analysis, British Aerospace dan MSC Venture Corp.

Selain Cyberjaya tiga lagi projek yang dimajukan di bawah MSC iaitu Kuala Lumpur International Airport (KLIA), Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Putrajaya. Bagi rakyat Kelantan lebih membanggakan lagi apabila ICT Incubator Centre Sdn Bhd (IICSB) turut mendapat status MSC.

## ICT INCUBATOR CENTRE SDN BHD (IICSB)

ICT Incubator Centre Sdn Bhd (IICSB) merupakan sebuah syarikat milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang juga berstatus MSC. IICSB sebuah syarikat milik penuh Infra Quest Sdn Bhd (IQSB), anak syarikat PKINK.

IICSB diwujudkan dengan modal berbayar sebanyak RM100,000. IICSB juga telah menerima penganugerahan MSC status incubator pada 23 Mac 2010 oleh Menteri Besar Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat bertempat di Kelantan Trade Centre (KTC).

Hadir sama pada hari bersejarah itu Pengerusi Multimedia Development Corporation (MDeC), Tan Sri Abdul Halim Ali, Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Maklumat, Sains dan Teknologi Negeri, Dato' Dr Muhammad Fadzli Hassan, anggota-anggota Exco kerajaan negeri, Ketua Eksekutif PKINK, Haji Sabri Abdullah dan pegawai-pegawai kanan kerajaan. Ini sekaligus menjadikan IICSB satu-satunya syarikat yang berstatus MSC di Kelantan.

IICSB diperbadankan pada 10 Januari 2010 sebagai syarikat dan pada awalnya diketuai Mohd Ridzuan Sidek. Perjalanan operasinya dipantau ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada pihak pengurusan PKINK.

Mohd Ridzuan merupakan penggerak utama yang terlibat di sebalik penubuhan IICSB.

Bagaimanapun bermula September 2011 pengurusan IICSB bertukar tangan kepada pengurus baru iaitu Mohd Syamsuri Che Mud. Mohd Ridzuan kembali semula ke PKINK.



Sejak penubuhannya sehingga sekarang IICSB melalui banyak perubahan selaras dengan penubuhannya bagi membuka lebih banyak peluang perniagaan dalam bidang ICT di Kelantan.

IICSB ditubuh bertujuan untuk membantu usahawan ICT tempatan serta bertindak sebagai pemangkin kepada perkembangan industri ICT di Kelantan. Peluang tersebut terbuka kepada mereka yang mempunyai bakat serta idea berkaitan ICT yang meliputi multimedia, e-Dagang, telekomunikasi, bioteknologi dan bio-informatik.

IICSB turut berperanan membantu ushawan terbabit bagi mendapat dana modal daripada MDeC atau institusi lain di bawah kerajaan atau swasta.

Mohd Syamsuri ketika ditemui wakil Berita PKINK di pejabat IICSB yang berpusat di tingkat dua Kota Bharu Bazar (KB Bazar atau KB Cyber) baru-baru ini berkata, pengusaha yang berminat diberi kemudahan seperti internet, bilik latihan dan makmal komputer bagi membantu usahawan-usahawan menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan ICT.

Selain itu IICSB juga menyediakan

kemudahan bilik mesyuarat, bilik pameran, bilik latihan, common business centre dan kemudahan lain berkaitan perniagaan.

"Kami juga menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pengurusan dan bantuan dalam menyampaikan idea, membangunkan prototaip, mendapat bantuan kewangan daripada MDeC atau agensi lain yang menyediakan bantuan serta memantau projek-projek yang dijalankan pengusaha."

"Sehingga ke sekarang IICSB juga mendapat banyak tawaran peluang perniagaan berkaitan bidang ICT yang boleh dikongsi bersama dengan inkubati," katanya.

Kerajaan negeri melalui PKINK menyediakan peluang perniagaan yang terbuka luas di aras dua dan tiga KB Cyber. Ruang perniagaan di aras dua dikenakan sewa bulanan sebanyak RM300 dan aras tiga RM200. Lot-lot perniagaan masih terbuka untuk usahawan yang berminat.

Kedudukannya di lokasi strategik iaitu di sebelah KB Mall dan berhadapan dengan Tune Hotel di Jalan Hamzah.



## KOLABORASI ICT

Antara projek berskala besar yang diusahakan IICSB dengan kerjasama PKINK dan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) ialah membangunkan satu portal [www.come2kelantan.my](http://www.come2kelantan.my) bagi memberikan informasi negeri Kelantan kepada pelancong tempatan dan asing.

Banyak lokasi menarik di Kelantan dimuatkan dalam laman web tersebut sebagai panduan kepada pelancong yang akan bertandang ke negeri Cik Siti Wan Kembang.

Mohd Syamsuri menyifatkan kejayaan mewujudkan portal pelancongan tersebut merupakan kejayaan IICSB dalam bidang perniagaan ICT. Dan ia sekaligus menaikkan lagi nama anak syarikat milik PKINK.

Menurutnya juga IICSB turut menjalankan kolaborasi dengan Permodalan Kelantan Berhad dan Institusi perbankan bagi membangunkan aplikasi berkaitan sistem Pajak Gadai Islam (Ar Rahn).

“Kami mendapat kepercayaan bagi membangunkan sistem tersebut yang disifatkan satu kejayaan besar sejak IICSB diwujudkan. Dengan kepakaran yang ada kami sedang membangunkan aplikasi baru tersebut bagi membangun sistem kewangan Islam lebih konprehensif di negara kita,” ujarnya.

Selain itu turut menjalin kerjasama dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan pengajuran kursus berkaitan android iaitu kursus Aplikasi Android Train the Trainer yang memberikan pendedahan kepada pensyarah dan pelajar UMK bagaimana membangunkan sesebuah aplikasi android.

Malah sebuah syarikat ikubati, Ejoesolutions dan UMK berjaya membangunkan aplikasi IOSApple Store iaitu alat muzik gamelan yang akan diterjemahkan dalam bentuk ICT iaitu I-gamelan.

Lebih membanggakan lagi apabila syarikat terbabit serta rakan kongsinya Mouse Click Enterprise telah memenangi tempat kedua pertandingan android application iaitu Hong Kong Mobile International APPSANITY 2012.

IICSB dengan kerjasama syarikat tersebut juga turut diberi peranan membangunkan aplikasi Android dan IOS dengan Radio Malaysia Kelantan.

Syarikat milik PKINK itu juga berjaya menjalankan pertandingan Cyber Games yang pertama di Kelantan yang ditonjolkan pada Karnival Kelantan Islamic Creative Industry Trade Exhibition (KITE) tahun lepas (2012). Bermula daripada situ, Cyber Games mendapat perhatian Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, Karnival Sains & Teknologi serta Perbadanan Muzium Kelantan.

Kerjasama pintar turut dilakukan dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan yang akan mengetengahkan artifik-artifik menarik. Usaha sedang dilakukan bagi mengumpul maklumat bersejarah itu yang bakal dipapar bagi tarikan baru pelancong ke Kelantan.

“Kami juga sedang membangunkan laman khas berkaitan perniagaan secara dalam talian yang dikenali sebagai BizKelantan.My. Kita akan kumpulkan pelbagai produk yang dihasilkan di Kelantan untuk dimasukkan ke dalam portal online tersebut.

“BizKelantan akan dilancarkan dijangka memberi manfaat besar kepada pengusaha industri kecil dan sederhana di negeri ini. Mereka dapat memasarkan produk secara online,” katanya Mohd Syamsuri.

Di IICSB beliau turut dibantu empat lagi kakitangan yang ada kepakaran dalam bidang ICT. Dengan ruangan pejabat yang agak luas IICSB menawar lebih ramai lagi peminat ICT tampil merebut peluang untuk diasuh menjadi usahawan berjaya.

Menurutnya dengan kemudahan dan kepakaran yang ada di IICSB membolehkan mereka yang berminat mahu menjadi usahawan dalam bidang ICT tampil bagi menjalin kerjasama pintar. Ia penting bagi melahirkan lebih ramai lagi usahawan bumiputera dalam bidang ICT.

Kata beliau juga pelatih yang menyertai IICSB berpeluang menimba pengetahuan lebih luas dalam bidang keusahawanan ICT antaranya kepakaran dalam bidang pembinaan Laman Web dan E-Dagang, pembinaan sistem, pendawaian dan pemasangan sistem rangkaian.

Selain itu penerbitan video korporat dan penyediaan khidmat perundingan dalam bidang ICT. Manakala perkhidmatan lain berkaitan ICT yang ditawarkan termasuk pengiklanan, robotik, animasi dan kelas kemahiran ICT.

“Usaha itu dilaksanakan selaras dengan objektif utama penubuhan IICSB buntuk menyediakan prasarana ICT dan perkhidmatan sokongan kepada usahawan ICT,” ujarnya lagi yang mempunyai kelulusan dalam bidang Kewangan dan Perakaunan di Kolej Sultan Zainal Abidin.

Bagi Syamsuri segala usaha tersebut dibuat bagi mencapai matlamat utama penubuhan IICSB iaitu menjadi peneraju bidang teknologi maklumat di Kelantan dengan menyediakan perkhidmatan dan fasiliti yang konprehensif.

Matlamat lain untuk mewujudkan persekitaran keusahawanan yang kondusif dan menjadi sebuah organisasi ICT yang mantap.



Dan sehingga kini banyak syarikat yang menyertai IICSB dan ada yang sudah berjaya membina empayar perniagaan sendiri. antaranya:-

INKUBATI	NAMA SYARIKAT	INKUBATI / VIRTUAL INKUBATI
1	Siliconetics Research Corp Sdn Bhd	inkubati
2	Ejoesolutions	inkubati
3	Rumpun Ilmuan Resources	inkubati
4	Kel Computer Station Sdn bhd	inkubati
5	Digital Kraf Publication	inkubati
6	Megamazstudio	inkubati
7	Jalinan Production	inkubati
8	Monizone Resources	inkubati
9	Kedaihyper Dot Com	inkubati
10	Iman Graphic	virtual inkubati
11	Red Warriors Creative	inkubati
12	Monizone Empire Trade	inkubati
13	Dena Empire Enterprise	inkubati
14	BI IT KB	virtual inkubati
15	Syabas ICT Centre	virtual inkubati
16	Citareka Studio	inkubati
17	Ashhar Design	inkubati

Kesungguhan IICSB meneroka bidang ICT dapat dilihat melalui pelbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun.

#### Aktiviti tahun 2011

1. Seminar Keusahawanan ICT Kelantan 2011
2. Seminar SME Business Success with ICT
3. Karnival ICT Jeli
4. Kursus Advanced Joomla
5. Kursus Advanced Wordpress
6. Kursus Rawatan Akupuntur
7. Kursus Coach SLDN (Khas)
8. Karnival e-Government
9. Karnival Kerjaya dan Usahawan Kreatif Kelantan 2011
10. Program Mental Arithmetik
11. Kursus Laman Web Kumpulan PKB
12. Program ICONapps Mobile App Developer Programmer-IOS
13. Program Pitching ICON2
14. Kelas Pengendalian Laman Web Kijang Kuari
15. Kelas Adobe Photoshop

16. Majlis Pelancaran Pelan ICT Kelantan 2011
17. Lawatan Pengerusi MDeC Tan Sri Abdul Halim
18. Lawatan Delegasi India

#### Aktiviti tahun 2012

1. Program Perkampungan ICT Negeri Kelantan 2012
2. Pelancaran Portal www.come2kelantan.my
3. Karnival Kelantan Islamic Creative Industry Trade Exhibition – KITE 2012
4. Temubual Rancangan Bisnes Alternatif di Astro Awani
5. Seminar HTML5
6. Kursus Artificial Intelligent – Sliconetic
7. Bengkel HTML 5
8. Seminar Pemborong dari China
9. Kursus Usahawan Internet
10. Seminar Korporat Ihsan
11. Kursus kemahiran staff, Microsoft Office Word, Excell dan Power Point for executive
12. Seminar dan Kursus Aplikasi Andriod
13. Kursus Mobile Games Creation IOS/Andriod
14. Kursus Kemahiran Linux & Aplikasi

Berdasar kepada program dan aktiviti serta perancangan pada masa hadapan, IICSB ternyata mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan syarikat ICT berstatus MSC yang terdapat di negara ini.

Biar pun IICSB jarang dikenali umum sebelum ini, namun kelabit dan perannya bukan lagi berada di pinggiran, malah menjadi peneraju ICT di Kelantan. ☺



Oleh: Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

# Binaraya Peneraju Industri Perumahan Kelantan

**B**arpun Kelantan sering dikatakan sebuah negeri yang mundur dalam perkembangan ekonomi semenjak ia ditadbir oleh kerajaan yang berdasarkan Kepimpinan Ulamak dengan dasar Membangun Bersama Islam, namun ia tidak membantut perkembangan industri perumahan di negeri tersebut.

Binaraya PKINK Sdn Bhd yang ditubuhkan pada Jun 1981 terus berkembang pesat sehingga menjadi di antara penggerak industri dalam sektor perumahan yang terkenal di Kelantan pada masa ini.

Mempunyai bangunan sendiri mulai 1993, ia telah banyak membantu meningkatkan keberkesan dan

kecekapan operasi syarikat terutama dalam menggerak dan membangunkan industri perumahan di negeri Kelantan, terutama dengan sokongan padu daripada pihak Kerajaan Negeri.

Kini Binaraya yang mempunyai dua lagi syarikat iaitu Sinaran Pantai Timur Consortium Berhad( SPTCB ) dan Profil Impian Sdn Bhd (PISB) berganding bahu dalam membantu perkembangan sektor perumahan di samping turut menjadi salah satu syarikat gergasi dalam Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

Pengurus Besar Binaraya Sdn Bhd, Mohd Asri Sulaiman berkata Binaraya kini menumpukan kepada pembangunan harta tanah ke atas tanah-tanah yang dimiliki sendiri oleh PKINK.

Kini terdapat enam projek utama sedang dalam

The advertisement features a yellow header with the Binaraya logo and the text "PROJEK KUMPULAN PKINK". Below this, there's a section titled "Hartanah Binaraya" with the tagline "MEMBINA KEHIDUPAN ANDA". It includes a small circular logo with the letters "H" and "B". A detailed description in Malay follows, mentioning "Kami Bina Kehidupan Anda Seluruhnya" and "Banyak Perkembangan Kita Dalam Iktisad".

The main part of the ad shows a grid of 12 circular icons, each representing a different housing project with its name and price:

- TAMAN ISQAN BINARAYA (FASA 1) KOTA BHARU: 7.5m Rumah Teres 1 Tingkat
- SAMAI BINRAYA JAYA (FASA 2) Jalan 10/10, Desa Setia Padang Gurih KOTA BHARU: 24.5m Rumah Teres 2 Tingkat
- TAMAN KERMA JAYA (FASA 2) Jalan 10/10, Desa Setia Padang Gurih KOTA BHARU: 42.5m Rumah Teres 2 Tingkat
- TAMAN EURNIA JAYA (FASA 4) Jalan 10/10, Desa Setia Padang Gurih KOTA BHARU: 44.5m Rumah Lantai 3 Tingkat
- TAMAN ISQAN BINARAYA (FASA 1) KOTA BHARU: 45.5m Rumah Teres 2 Tingkat
- TAMAN SRI MELA (FASA 2) BINARAYA KOTA BHARU: 60m Rumah Teres 2 Tingkat
- RAMAI BINRAYA 2, GUNUNG JALAN UNGGUL - MULUNG KOTA BHARU: 2.5m Rumah Bebaslantai 2 Tingkat
- TAMAN BINRAYA 2, GUNUNG JALAN UNGGUL - MULUNG KOTA BHARU: 3.5m Rumah Banglo 1 Tingkat
- TAMAN IDAM BINARAYA (FASA 1) KOTA BHARU: 3.5m Rumah Banglo 1 Tingkat
- TAMAN ISQAN BINARAYA (FASA 2) KOTA BHARU: 3.5m Rumah Teres 1 Tingkat
- DESA AR-RAHMAN BINARAYA (FASA 2) KUALA KRAI: 34.5m Rumah Bebaslantai 2 Tingkat
- DESA AR-RAHMAN BINARAYA (FASA 2) KUALA KRAI: 35.5m Rumah Bebaslantai 2 Tingkat
- PURBAHARI PRIMI, MACHANG (FASA 2) JALAN 10/10, MACHANG: 10.5m Rumah Teres 2 Tingkat
- TAMAN CAYATHA BINARAYA (FASA 2) KUALA KRAI: 16.5m Rumah Teres 2 Tingkat

At the bottom left, the company details are listed: "BINARAYA PKINK SDN. BHD. (7201748) PT 747, Ganggong Binarey, Jalan Abdul Kadir Abdol Bereh 12, 15200 Kota Bharu, Kelantan. Fax: 09-741 4450". On the right side, the website "www.binaraya.com.my" and social media links for Facebook and YouTube are provided. The bottom right corner contains the slogan "Pelaburan hari ini untuk masa depan".



Pengurus Besar Kumpulan Binaraya - Haji Mohd Asri Sulaiman

pembinaan dan telah mendapat sambutan hangat dari rakyat Kelantan iaitu 60 unit Rumah Teres Satu Tingkat di Taman Mesa Pasir Mas, empat unit Rumah Banglo satu tingkat dan dua unit rumah berkembar dua tingkat di Taman Binaraya 2 Limbat Kota Bharu, sepuluh unit Rumah Teres dua Tingkat di Perumahan PKNIK Machang, tiga belas unit Rumah Bungalow satu tingkat dan tiga unit bungalow dua tingkat di Taman Cahaya Binaraya Tanah Merah, empat puluh lima unit di Taman Kifayah Jeli dan sejumlah 34 unit rumah bungalow satu tingkat bersama empat belas unit rumah berkembar satu tingkat di Desa Ar-Rahman Kuala Krai.

“Melalui projek pembinaan perumahan di seluruh

jajahan di negeri ini, ia membolehkan kontraktor perumahan bumiputera berkembang sama kerana keseluruhan projek pembinaan rumah tersebut diserahkan kepada kontraktor berkelayakan dan dipantau oleh Binaraya” ujar beliau.

Asri juga berkata dari keseluruhan projek pembinaan rumah tersebut, nilai semasa berjumlah RM39,142,500 berjaya diperolehi oleh Binaraya dan ini juga membuktikan kuasa beli rakyat di negeri ini amat tinggi terhadap pemilikan rumah.

Menurut Asri lagi Binaraya menjadi sebuah syarikat pemaju perumahan yang diyakini penduduk negeri ini berdasarkan rekod pembinaan rumah yang boleh dikatakan sering bertepatan dengan perjanjian yang diadakan antara pembeli dan syarikat sendiri.

Di samping itu, pembeli juga berkeyakinan penuh kerana Binaraya merupakan anak syarikat PKINK dan di miliki oleh kerajaan negeri dan ini membolehkan jaminan terus terhadap kelangsungan projek yang dimajukan oleh Binaraya.

Menyentuh soal perancangan di tahun 2013, Asri berkata Binaraya kini sedang merancang pembinaan rumah banglo di Kampung Limbat Kota Bharu, Bukit Marak dan Taman Kurnia Jaya Kemumin, Pengkalan Chepa.

Di samping itu Binaraya juga dalam proses pembelian tanah di Machang seluas lapan ekar dan Kok Lanas seluas sepuluh ekar.

“Insya-Allah Binaraya selaku sebuah syarikat milik penuh PKINK akan sentiasa berada di barisan hadapan dalam membantu kerajaan negeri untuk memajukan sektor industri perumahan walaupun negeri ini sering dikaitkan dengan sebuah negeri yang miskin dan rakyat yang tidak mampu memiliki kediaman yang penuh keselesaan” katanya lagi.





Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

# Projek Hotel Apartment Embunuri Dilancarkan

**KOTA BHARU:** Kejayaan membangunkan Pusat Dagangan Kelantan (KTC) dan projek Apartmen D' Perdana Sri Cemerlang memberi inspirasi kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) untuk terus membangunkan projek apartmen servis serta menjadi pelopor dalam sektor tersebut di negeri ini.



Kali ini, projek Hotel Apartmen Embunuri@Sireh yang bernilai RM88 juta pula akan dibangunkan melalui usahasama anak syarikatnya, Kelkon Sdn Bhd dengan sebuah syarikat swasta Ara Asa Property Management Sdn Bhd.

Projek itu membabitkan pembinaan bangunan setinggi 30 tingkat merangkumi apartmen servis sebanyak 418 unit yang berharga antara RM180,000 hingga RM1.3 juta seunit, kafeteria, Gimnasium dan tempat meletak kereta setinggi sembilan tingkat di Seksyen 18, Kampung Sireh di sini.

Majlis Pecah Tanah tersebut

telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Besar, Dato' Haji Ahmad Yakob yang mewakili Tuan Guru Menteri Besar.

Datuk Ahmad Yaacob, ketika berucap pada majlis itu berkata, projek ini terletak di lokasi strategik yang berhampiran dengan projek lembah sireh, dan berdekatan dengan pusat Bandar Kota Bharu.

"Kerajaan Kelantan yang berteraskan Islam di bawah kepimpinan ulamak jelas membuktikan kejayaannya dalam melaksanakan pembangunan mengikut syara'.

"Dakwaan yang mengatakan Islam mengenepikan pembangunan adalah dakwaan dangkal yang terpesong dari kehendak Islam sebenar,"ujarnya.

Turut hadir, Pengurus Kelkon Sdn Bhd, YB Wan Ismail Wan Jusoh dan Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah.



## LOKASI STRATEGIK

Apartment ini dibina di tapak 1.16 ekar berhadapan dengan 1KM dari pembangunan Lembah Sireh terletak di lokasi strategik iaitu berdekatan Lembah Sireh, kompleks Pejabat Kerajaan Negeri Kota Darulnaim, Masjid Kg Sireh, Pusat Pendidikan (Masterskill, Kolej Poly Tech MARA), Terminal Bas, Kompleks membeli belah, pusat rekreasi, balai bomba, pejabat Pos dan hotel.

Projek ini dijangka dapat disiapkan dalam tempoh 3 tahun. Ia bakal merancakkan pembangunan bandar Kota Bharu.

Embunuri@Sireh terdiri daripada 2 bangunan berasingan iaitu sebuah hotel apartment 30 tingkat di atas Lot 438 dan Bangunan Annex 4 Tingkat di atas Lot 354,357,437 dan 436. Terdapat sebuah jejantas yang akan menghubungkan kedua-dua bangunan.

Hotel Apartment Embunuri dibina dengan berkonsepkan serta menekankan seni bina yang berunsurkan motif-motif kebudayaan. Motif-motif kebudayaan diterapkan dalam kehalusan seni bina ini menampilkan keanggunan dan kemodenan, dilengkapi kolam renang, sauna, gimnasium dan taman permainan di tingkat 8.

Sebanyak 433 tempat letak kereta bermula dari basement hingga ke tingkat 7.



## PERTUMBUHAN EKONOMI

Adalah dijangkakan, projek ini dapat memangkin pembangunan kawasan setempat terutama dari aspek ekonomi melalui pengwujudan peluang perniagaan kepada penduduk sekitar terutama di Kg Sireh dalam industri peruncitan dan pelancongan, peluang pekerjaan, pertumbuhan industri pelancongan (perhotelan), pengangkutan awam serta penyumbang kepada pertumbuhan industri pembinaan di negeri Kelantan.

Pulangan kepada Kelkon dan PKINK dari segi keuntungan projek, dapat disalurkan kembali dalam bentuk tanggungjawab sosial korporat Kumpulan PKINK melalui sumbangan kepada masyarakat terutama golongan miskin dan yang memerlukan.



# Taman Kurnia Jaya

Sebelah Padang Golf  
PENGKALAN CHEPA



Untuk Pertanyaan & Daftar Tempahan,  
Hubungi TEAM PEMASARAN Kami :

09-741 4455  
09-741 4465  
marketing@binaraya.com.my  
www.facebook.com/Binaraya-PKINK

*Pelaburan hari ini untuk masa depan*

**Profil Impian** Sdn.Bhd.  
(307035-A)

PT 747, Bangunan Binaraya, Jalan Abdul Kadir Adabi Berek 12,  
15200 Kota Bharu, Kelantan.



# PROGRAM BANTUAN BERAS PERCUMA

## SKIM AL-IT'AM

**Bantuan beras percuma untuk rakyat miskin**



Bermula  
**Februari 2011**

Peruntukan  
**RM 2.5 juta**

Penerima  
**180 keluarga miskin  
bagi setiap Dewan  
Undangan Negeri**



Urusetia Program  
**Kumpulan  
Pertanian  
Kelantan Berhad**  
Syarikat milik penuh PKINK



Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat



# Kelstone Meterai Perjanjian Pengkuarian Batu Marmar



**KOTA BHARU:** Kelstone Sdn Bhd, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah memeterai perjanjian penyerahan hak pengkuarian batu marmar Bukit Gua Air, Gua Musang dengan Infrapark Marble Sdn Bhd. pada 16 Disember lalu bertempat di Bilik Gerakan PKINK.

Projek yang melibatkan kawasan seluas 73.82 hektar ini diberi kepada Infrapark Marble Sdn Bhd. diatas keupayaan syarikat tersebut. Berdasarkan rekod antara projek yang pernah dilaksanakan ialah projek pembinaan Hospital Rehabilitasi pertama di Malaysia iaitu di Cheras yang bernilai RM342 juta dan pembinaan Sekolah Menengah Seksyen 7, Shah Alam Selangor.

Pada majlis itu, Kelstone Sdn Bhd. diwakili oleh Pengurus, YB Haji Hanifa Ahmad, manakala Infrapark Marble Sdn Bhd. diwakili Pengurus Eksekutifnya, Encik Shorbaini Abdul Ghani.

Hadir sama pada majlis tersebut, Timbalan Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat, Haji Zulkifli Mamat dan Ketua Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah.

Perjanjian usahasama dengan rakan niaga baru ini diharapkan dapat membantu memacu pembangunan dan ekonomi Negeri Kelantan. ☺





Disunting oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

# PKINK Sertai Kembara Bahasa

2012



**KOTA BHARU:** Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) menyambut baik langkah Dewan Bahasa dan Pustaka dalam menganjur Kembara Bahasa untuk menggerakkan kesedaran baharu kepada masyarakat Malaysia untuk memberikan martabat dan wibawa yang sewajarnya kepada bahasa Melayu di negara ini.

Kembara yang berlangsung selama lima hari ini telah dibahagi kepada lima zon termasuk zon Singapura. Bagi zon Timur acara pelepasan telah disempurnakan oleh Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat bertempat di Perkarangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan pada 21 November lalu.

Selain PKINK, penyertaan banyak pihak seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Perbadanan Perpustakaan Negeri dan pelbagai pihak lain lagi berupaya untuk menyemarakkan semula bahasa kebangsaan di negara kita. Ini sekaligus membuktikan bahawa Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh menyokong usaha Kerajaan Malaysia untuk menyemarakkan semula rasa kecintaan dan kemegahan rakyat Malaysia terhadap bahasa kebangsaan. ☺

## ALFATIHAIH: Belasungkawa Mohd Adilan Mat Jusoh

**TIAP** yang bermula pasti akan berakhir, bila sudah sampai masa dan ketika kita akan pergi mengadap Allah s.w.t., hanya amal dan doa yang akan mengiringi...

Tanggal 24 November 2012 bersamaan 10 Muharram 1434 kira-kira jam 12.00 tengahari Tuan Haji Mohd Adilan Mat Jusoh, Pengurus Pengurusan Sumber Manusia PKINK telah kembali kerahmatullah di usia 42 tahun di Hospital USM Kubang Kerian. Kira-kira setahun yang lepas Allahuhyarham telah disahkan mengidap kanser paruparupu dan telah mendapat rawatan berterusan di HUSM Kubang Kerian. Beliau meninggalkan seorang isteri dan 4 orang anak, 2 lelaki dan 2



perempuan. Jenazahnya selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Tanjung Chat.

Sepanjang perkhidmatannya

di PKINK selama 16 tahun, beliau merupakan seorang anggota komited dan bertanggungjawab dalam tugas yang diamanahkan. Beliau aktif dengan kerja-kerja sosial di PKINK, di mana beliau memegang jawatan sebagai Yang Dipertua KSK PKINK dan juga Ahli Lembaga Pengarah Koperasi PKINK Berhad.

Bermula pada bulan Ogos 1996 sebagai pegawai tadbir di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan kemudian di tempatkan sebagai Pegawai Khas Ketua Eksekutif PKINK mulai Julai 2001. Mulai April 2009 Allahuhyarham ditempatkan di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sebagai Pengurus Bahagian. ☺



Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat & Nur Akhmal Norazelan

# MIB Perhebatkan Promosi Untuk Tarik Pelancong

**MEDAN IKAN BAKAR (MIB)** merupakan salah satu daripada projek yang dibangunkan oleh PKINK di bawah peruntukan Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK9) sebagai platform untuk memacu sektor ekonomi di Kelantan.

MIB memulakan operasi perniagaan pada pertengahan Mac 2011 dengan produk utama, ikan bakar. Selain daripada ikan bakar, MIB turut menawarkan juadah yang jarang ditemui di restoran seumpamanya iaitu seperti kambing panggang yang disediakan oleh Perdana Resort dan makanan ala Korea iaitu “chim chum”.

Selain menempatkan dua restoran ikan bakar, MIB

juga menyediakan 40 unit kedai yang menawarkan produk keluaran pengusaha tempatan terdiri dari barang kraf tangan dan produk berasaskan makanan laut kepada pengunjung.

Selain menyediakan pelbagai juadah dan barang kraftangan, MIB juga sebagai tempat untuk beriadah dan sesuai untuk dijadikan lokasi program. Pelbagai kemudahan juga disediakan kepada para pengunjung yang datangnya dari pelbagai peringkat umur antaranya ialah taman permainan kanak-kanak, permainan ‘soopa doopa’ serta tempat letak kereta yang selesa. Pengunjung juga boleh menikmati pemandangan yang indah serta menghirup udara yang segar pada waktu





malam sambil menikmati kelazatan ikan bakar yang disediakan oleh MIB.

Sebagai daya tarikan utama pelancongan, MIB turut menyediakan perkhidmatan ‘River Cruise’ menyusuri Sungai Kelantan dengan menyediakan 2 buah bot penumpang serta ‘Banana Boat’ dan kayak bagi penggemar aktiviti air.

MIB juga tidak ketinggalan menyediakan pelbagai aktiviti menarik kepada pelanggan yang datang. Antara aktiviti yang berlangsung baru-baru ini di MIB ialah Minggu Hotel Klate 2012” yang dikendalikan oleh Perdana Resort bertujuan untuk mempromosi hotel-hotel di Kelantan.

Pihak yang terbabit juga bijak dalam mengatur strategi bagi mempergiatkan lagi promosi MIB kepada orang ramai dengan memanfaatkan kehangatan Perlawanan Akhir Piala Malaysia 2012 antara Kelantan melawan ATM menerusi tayangan skrin gergasi yang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk sekitar dan peminat bola sepak tempatan.

Selain itu, musim cuti sekolah turut dimeriahkan dengan penganjuran Festival Cuti Sekolah dengan menyediakan aktiviti istimewa antaranya program Santai Sinar Red Warriors yang berjaya menarik hampir 4000 peminat setia The Red Warriors mengerumuni perkarangan MIB untuk menyertai aktiviti yang disediakan dengan kerjasama pelbagai pihak antaranya Happy, Kelab Penyokong Siber Bola Sepak Darul Naim (Kelate.Net) dan Unit Transfusi Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian. Kehangatan suasana program terus dirasai dengan kehadiran tiga pemain bola sepak Kelantan iaitu Zairul Fitree Ishak, Mohd Daudsu Jamaludin dan Mohd Norfarhan Muhammad.

MIB terus mempergandakan promosi dengan menganjurkan program amal yang mendapat kerjasama Yayasan Orang Kelainan Upaya Kelantan (YOKUK). Melalui program seumpama ini, ianya bukan sahaja memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang kewujudan Yayasan Orang Kelainan Upaya yang memerlukan pembelaan malah dapat memperkenalkan Medan Ikan Bakar di mata masyarakat setempat mahupun pengunjung yang datang daripada pelbagai negeri.

Melalui program-program yang telah diatur dan kerjasama daripada media diharapkan agar promosi untuk memperkenalkan MIB mencapai sasaran sekali gus menjadikan MIB dan Kelantan sebagai destinasi pelancongan yang terkenal di Malaysia



Selain mengadakan beberapa program, pihak terbabit juga bekerjasama dengan pihak media tempatan dan luar negara yang memainkan peranan penting dalam memperkenalkan MIB ke serata dunia.

Tidak ketinggalan juga menjadikan artis sebagai duta kecil dan media perantara antara MIB dengan pihak korporat melalui penganjuran berkoncepcion ilmiah dan keagamaan dengan menjemput kumpulan Sepahtu, Hafiz Hamidun, Ustaz Haslin serta Imam Muda Hizbur dalam menjayakan program Santai Bersama Ustaz.

Melalui program-program yang telah diatur dan kerjasama daripada media diharapkan agar promosi untuk memperkenalkan MIB mencapai sasaran sekali gus menjadikan MIB dan Kelantan sebagai destinasi pelancongan yang terkenal di Malaysia dan memberi impak yang besar terhadap industri pelancongan dan ekonomi negara. ☺



# STRATEGI PERNIAGAAN

## *Abdul Rahman bin Auf*

### ABDUL RAHMAN BIN AUF

merupakan salah seorang sahabat Rasulullah SAW yang hartawan namun tetap zuhud. Beliau telah banyak membelanjakan harta kekayaannya ke jalan agama. Beliau adalah seorang usahawan yang termasyhur ketika itu (seorang bilionair jika dibandingkan dengan zaman sekarang). Salah satu perniagaan yang dijalankan oleh beliau adalah perniagaan unta. Beliau berjaya mendominasi perniagaan unta ini yang sebelum itu telah pun didominasi oleh kaum Yahudi.

### BAYAR TUNAI

"Aku tidak menjual secara tangguhan bayaran." Abdul Rahman bin Auf tidak mengamalkan cara tangguhan bayaran yang rata-rata ramai dikalangan para peniaga yang mengamalkan teknik ini. Beliau menjalankan urusniaga dalam bentuk tunai.

Sebenarnya dengan mempercepatkan bayaran, peniaga akan mendapat pusingan modal dengan lebih cepat, dan mudah untuk digunakan bagi membeli barang yang baru untuk dijual. Seterusnya timbul pula persoalan mengapa Pasar Ansar kepunyaan Rasulullah SAW di Madinah mencipta sejarah menang besar dalam persaingan perniagaan dengan peniaga yahudi atau orang bukan Islam Madinah?



Rahsianya penting yang harus peniaga Islam ketahui ialah setiap malam yang sepi waktu dinihari, para pelaksana perniagaan diketuai oleh Saidina Abdul Rahman bin 'Auf r.a. sendiri akan bermunajat kepada Allah dan Rasul, untuk menyokong dan memberi kerjasama dalam perniagaan mereka.

Mereka semua melakukan solat hajat, berdoa, taubat, zikir wirid, membaca Al-Quran, selawat dan lain-lain ibadah sampingan demi mendapatkan Tuhan sebagai penolong dan pemimpin. Maka jatuhlah ke hati mereka mukjizat Rasulullah SAW mengajarkan bagaimana perniagaan menurut

Islam atau cara berniaga yang disuruh Allah SWT.

Mereka akhirnya dapat menawan hati penduduk kota Madinah. Para penduduk mula beralih daripada peniaga yahudi kepada peniaga pimpinan Abdul Rahman bin auf r.a. Beliau memupukkan rasa kasih sayang sesama peniaga dan para pelanggan.

Rindu untuk duduk bersama Rasul dan para sahabat membuatkan orang Madinah akhirnya berpusu-pusu membeli di Pasar Ansar. Maka akhirnya peniaga yahudi mula meninggalkan kota Madinah.

Begitulah kehebatan strategi



perniagaan yang diamalkan Abdul Rahman bin Auf yang harus dijadikan contoh kepada kita lebih-lebih lagi sebagai peniaga. Hamka amat tertarik dengan jawapan yang telah diberikan oleh Abdul Rahman bin Auf.

Jika ada yang bertanya tentang rahsia perniagaannya, Abdul Rahman bin Auf menjawab;

“Aku tidak menjual barang-barang cacat, aku merasa cukup dengan untung yang sedikit kerana aku tahu Allah memberkati..” Kehebatan beliau dalam perniagaan tidak dapat disangkal lagi. Sejarah pernah merekodkan bahawa beliau pernah menjual seribu ekor unta dalam masa sehari sahaja. Beliau menjualnya dengan harga yang murah, beliau hanya mengambil untung atas tali yang mengikat unta sahaja.

### SYUKUR WALAU UNTUNG SEDIKIT

“Aku tidak pernah menolak keuntungan walaupun sedikit.” Frasa di atas sangat memberikan kesan yang positif bagi para usahawan dalam mengatur strategi perniagaan. Jangan sesekali ambil mudah soal keuntungan yang bakal diambil dari pembeli, dan jangan pula mengambil mudah soal halal dan haram dalam perniagaan.

Sebagai contoh, sekiranya kita mempunyai kos tanggungan seperti kos penghantaran, kita harus bijak mengira kos supaya keuntungan dapat ditampung walaupun kos penghantaran produk biasanya tidaklah seberapa. Dari segi halal haramnya, jangan pula ada unsur-unsur riba dalam menguruskan perniagaan.

Abdul Rahman Bin Auf adalah ikon usahawan dan tokoh jutawan Islam. Untuk Perang Tabuk, Abdul Rahman menderma lebih daripada RM25 juta (200 dinar, 500 ekor kuda, dan 1500 ekor unta). Kekayaannya langsung tidak berkurangan bahkan Allah melipatgandakan lagi harta kekayaannya. Abdul Rahman menjual 1000 ekor unta pada harga modal tanpa margin keuntungan. Keuntungan beliau ialah pada tali pengikat unta yang dijual sekali dengan unta sebagai nilai tambah. Beliau menjual tali itu dengan harga 1 dirham. Dalam satu hari beliau menjana keuntungan 100 dirham.



### JANGAN SEKSA PELANGGAN

“Aku tidak pernah melambatkan penjualan barang daripada yang meminta.” Sekiranya ada permintaan, beliau akan sedaya upaya mendapatkan barang yang diminta oleh pelanggan. Strategi ini boleh diaplikasikan dalam perniagaan yang dijalankan. Ada segelintir usahawan yang bersikap ‘malas’ dan mengambil mudah perkara ini.

Sekiranya pelanggan bertanya tentang sesuatu barang, peniaga hanya membiarkan pelanggan berlalu pergi dengan menyatakan, “Barang yang diingini tidak dijual disini”. Peniaga yang bijak tidak akan mudah ‘melepaskan’ pelanggan seperti ini, sebaliknya akan berusaha sedaya upaya mendapatkan bekalan barang yang diminta dari jaringan rakan-rakan perniagaannya yang lain.



## JUAL PADA HARGA KOS

Beliau menggunakan strategi jualan pada harga kos. Ya, untanta beliau dijual pada harga kos, bermakna beliau langsung tiada untung. Berkesanakah strategi seperti ini? Hasilnya, semua yang ingin membeli unta akan pergi ke Abdul Rahman bin Auf. Beliau langsung tidak mengambil keuntungan dengan hasil jualan unta, namun apabila ditanya kepada beliau, beliau menjawab "Keuntungan tidak diambil dari hasil penjualan unta. Unta dijual pada harga kos. Tetapi, keuntungan diambil dari menjual "tali pengikat unta".

Dari situlah datangnya keuntungan beliau berniaga. Tali-tali yang dijual adalah cantik dan bermacam-macam warna. Jarang orang lain yang berniaga unta dapat menandingi kelebihan beliau berniaga. Sebenarnya, pada zaman ini ramai peniaga-peniaga yang menggunakan strategi ini, lebih-lebih lagi peniaga yang mempunyai modal pusingan yang besar.

Ramai peniaga-peniaga terutamanya kedai-kedai borong yang menjual pada harga rendah bagi barang yang biasa dibeli pengguna, namun secara 'tersembunyi' menaikkan harga bagi sesetengah barang mereka. Pembeli yang sudah 'kerasukan' membeli barang mereka pasti akan tidak sedar bahawa sesetengah barang mahal pula harganya, namun tetap berbelanja dengan alasan 'malas' untuk pergi ke kedai lain.

Strategi ini jarang sekali dilakukan oleh para peniaga. Tidak ramai yang berani mengambil risiko ini kerana jika tersilap langkah, kerugian besar yang menanti peniaga.

Berbalik kepada kisah sahabat Rasulullah SAW, Abdul Rahman bin



*Jika ada yang bertanya tentang rahsia bisnesnya, Abdul Rahman bin Auf menjawab, "Aku tidak menjual barang-barang yang rosak. Aku merasa cukup dengan untung yang sedikit tetapi diberkati oleh Allah."*

Auf adalah seorang saudagar dan usahawan termasyur yang telah dijanjikan syurga. Beliau sangat banyak menyumbangkan hartanya pada jalan Allah. Apabila diminta untuk menderma, pasti tidak akan ditolaknya. Selain strategi di atas, Abdul Rahman bin Auf pernah ditanya tentang apakah strategi perniagaannya yang lain sehinggakan menjadi hartawan yang terkemuka pada zaman itu?

## 3 STRATEGI BERNIAGA SAHABAT NABI

Kesimpulan ringkas yang dapat dibuat daripada strategi perniagaan Abdul Rahman bin Auf :

**1** Jangan menolak rezeki walaupun sedikit. Adakalanya kita terpaksa menurunkan keuntungan perniagaan kita. Dengan itu, keuntungan masih kita perolehi. Rezeki masih menyebelahi kita walaupun sedikit.

**2** Percepatkan segala urusan jual beli. Percepatkan segala layanan pelanggan. Terbukti dari zaman dahulu sehingga kini, kelajuan dan kepentasan menangani masalah dan pelanggan dalam perniagaan akan memberi pulangan yang tinggi. Pelanggan pula akan suka kepada peniaga sebegini. Dengan memudahkan urusan pelanggan, besar kemungkinan pelanggan akan melanggan buat kali kedua dan seterusnya.

**3** Urus niaga haruslah dijalankan dalam tunai sahaja. Di mana ia akan menguntungkan kedua belah pihak samada pelanggan maupun peniaga. ☺

# PENYAKIT Bawaan Komputer



Komputer seperti kita ketahui mengalami penyakit yang disebabkan oleh virus dan cecacing komputer. Dalam komputer itu sendiri pun, terdapat penyakit e-mel, seperti spam dan penyakit komputer yang lain, seperti kerosakan cakera keras dan tetikus. Penyakit komputer sememangnya menyusahkan pengguna komputer. Penyakit komputer boleh dibaiki dan komputer yang rosak teruk boleh diganti dengan yang lain.

Benarkah komputer boleh membawa penyakit kepada manusia? **BENAR**. Penyakit bawaan komputer kepada manusia adalah sesuatu yang hanya akan menyusahkan dan menyebabkan kualiti kehidupan yang merosot dan sekiranya pekerja, keadaan ini mengurangkan produktiviti kerana mengganggu tugas harian.

Penggunaan komputer telah menjadi satu kemestian dalam kehidupan sehari-hari kita. Namun demikian, ramai pengguna tidak menyedari bahawa penggunaan komputer dengan cara yang tidak betul boleh mendatangkan mudarat kepada kesihatan.

Sebelum ini, penulis sendiri telah banyak kali terbaca pelbagai risalah atau artikel ringkas di laman-laman suratkhabar mahupun majalah atau manual tatacara penggunaan komputer berhubung dengan masalah-masalah yang kemungkinan dihadapi oleh rata-rata mereka yang menggunakan perkakasan IT seperti komputer meja, notebook, tab mahupun telefon. Walaubagaimanapun, menghadiri satu IT talk di Hospital Universiti Sains Malaysia di Kubang Kerian oleh Prof.

**Madya Dr Sharifah Mastura Syed Mohamad** pada tahun lalu (2012) telah membuka minda kepada satu ruang yang lebih luas berhubung dengan permasalahan tersebut dengan satu istilah “Jangan Ambil Mudah”.

Takrifan **CELIK IT** adalah seseorang itu faham konsep ICT, *mahir menggunakan aplikasi terkini, menggunakan aplikasi untuk memudahkan urusan dan kesejahteraan ummah dan menggunakan praktikal ICT dengan baik untuk kesihatan sepanjang hayat.*

Apabila disebut penyakit bawaan komputer lazimnya kita mengaitkannya dengan tatacara penggunaan dari segi fizikal seperti tidak melaraskan kedudukan papan kekunci, tetikus dan kedudukan tangan, kedudukan skrin yang terlalu tinggi atau rendah dari aras pandangan mata, kedudukan kerusi yang tidak sesuai, postur badan apabila duduk menggunakan komputer dan pelbagai lagi sepetimana contoh di *Tatacara Penggunaan Komputer apabila membeli komputer/notebook jenama Compaq*.

Apa yang dibincangkan di IT Talk tersebut rupanya meliputi ruang lingkup yang lebih luas. Ketagihan internet terutamanya permainan online, keterujaan untuk memiliki gajet terbaru dan terkini, serta antisosial adalah diantara isu yang diketengahkan oleh beliau. Antisosial bermaksud lebih banyak duduk dihadapan komputer dan kurang bergaul atau berinteraksi dengan dunia nyata sehingga ia boleh menjelaskan keupayaan untuk berkomunikasi dengan baik.



## BAGAIMANA AGAKNYA YANG DIKATAKAN KETAGIH KOMPUTER?

Untuk mengenali seseorang itu tergolong dalam kategori ketagihan komputer adalah apabila dia terlalu gembira apabila dapat menggunakan komputer, tidak boleh berhenti dari aktiviti komputernya, meragam dan cepat marah apabila tidak dapat menggunakan komputer, mengabaikan keluarga dan rakan-rakan, bermasalah di sekolah atau tempat kerja, sering bertelingkah, menipu dan mengasingkan diri dari masyarakat serta taksub untuk mendapatkan perkakasan dan perisian terkini dipasaran.

Ketagihan komputer dan penggunaan komputer secara berlebihan dan tidak berdisiplin (*habitual user*) telah menyebabkan kewujudan penyakit-penyakit yang disebabkan oleh penggunaan komputer. Antara jenis-jenis penyakit tersebut adalah ;

### Sindrom Penglihatan Komputer (CVS Computer Vision Syndrome)

Penyakit ini adalah penyakit berkaitan penglihatan disebabkan oleh penggunaan komputer secara berterusan setiap hari seperti mata terasa pedih, letih, rasa panas seperti terbakar, mata kering, penglihatan kabur dan berbayang. Ia juga dikaitkan dengan sakit kepala, sakit leher, sakit bahu serta sukar untuk mengubah fokus diantara monitor dan dokumen.



Ketagihan komputer dan penggunaan komputer secara berlebihan dan tidak berdisiplin (*habitual user*) telah menyebabkan kewujudan penyakit-penyakit yang disebabkan oleh penggunaan komputer.

### Gangguan Pendengaran

Penyakit ini disebabkan oleh penggunaan ‘earphone’ yang dimasukkan kedalam lubang telinga. Ini disebabkan oleh bunyi yang dikeluarkan adalah terlalu dekat dengan gegendang telinga yang mempunyai had tertentu yang boleh diterima (dalam desibel).

### Kecederaan Rangka Otot (*Musculoskeletal Disorder – MSD*) atau cedera regang berulang (*repetitive strain injury*).

Ini melibatkan saraf ligamen tendon, sendi dan otot, tendonitis, sindrom terowong karpus (*CTS-Carpa Tunnel Syndrome*) dan sakit belakang. Gejala CTS adalah kebas pada tangan dan jari terutamanya ibu jari, jari telunjuk, jari hantu dan jari manis. Ianya akan lebih teruk bila memandu, memegang objek seperti telefon dan surat khabar serta bila bangun dari tidur.

Sakit Belakang pula disebabkan oleh penggunaan komputer yang terlalu lama dan dengan kedudukan postur tubuh yang tidak betul, terasa sakit atau sengal pada bahagian belakang dari leher sampai pinggang.

### Penyakit Psikososial

Penyakit psikososial adalah sindrom dari kerana terlalu banyak masa dihabiskan untuk bermain komputer dan melayari internet. Ini mampu untuk menyumbang kepada masalah selanjutnya seperti kemurungan, tekanan emosi dan ketagihan komputer dan internet.

Untuk penerangan yang jelas dan menarik berhubung dengan perkara ini diskusi yang lebih terperinci boleh diperolehi melalui bahan bacaan berjudul *Penyakit Bawaan Komputer: Petua dan Panduan Pencegahan* yang ditulis sendiri oleh Prof. Madya Dr Sharifah Mastura Syed Mohamad. Harapan penulis agar perkongsian maklumat ini dapat memberi ilmu dan manfaat kepada semua.

## BENARKAH LELAKI MENGGUNAKAN KOMPUTER BOLEH MANDUL DAN CERITA BENAR KETAGIH INTERNET.

Maklumat yang ingin dikongsi bersama dipetik daripada bahan bacaan berjudul *Penyakit Bawaan Komputer: Petua dan Panduan Pencegahan* yang ditulis sendiri oleh Prof. Madya Dr Sharifah Mastura Syed Mohamad.

Di antara yang menarik di dalam terbitan ini pengarang ada menyebut; pengguna juga diingatkan supaya tidak meletakkan komputer riba di atas paha bagi mengelakkan bateri cepat kehilangan kuasa dan haba yang dihasilkan oleh komputer ini boleh menyebabkan kemandulan kepada kaum lelaki.

Bagi mereka yang bekerja dalam bidang teknologi maklumat seperti pengatur cara, jurutera perisian, atau pereka digital perlu mengamalkan senaman yang sesuai bagi mengelakkan diri daripada masalah kesihatan. Beberapa panduan melakukan senaman ringkas bagi pengguna komputer turut dimuatkan dalam buku ini untuk mengurangkan ketegangan.

**Penulis disini suka untuk berkongsi satu kisah benar yang turut dimuatkan dalam terbitan ini;**

Lee Boon Hua (bukan nama sebenar), berumur 15 tahun, biasanya tinggal di rumah beseorangan selepas waktu sekolah. Pada mulanya beliau menggunakan komputer untuk mengisi masa lapang semasa ibu bapanya keluar bekerja. Lama-kelamaan, beliau merasa lebih gembira beseorangan di rumah dengan hanya ditemani oleh komputer. Semasa berada dalam dunia siber, beliau merasa dirinya lebih berjaya dan lebih popular daripada berada dalam dunia nyata.

Beliau meluangkan masa lebih daripada 17 jam sehari menggunakan Internet, iaitu untuk membaca komik dan bermain permainan Internet. Beliau bermain sepanjang malam dan mula ponteng sekolah dua atau tiga hari seminggu untuk menggantikan tidur. Apabila ibunya menyuruh beliau ke sekolah, beliau melenting dan bersikap agak ganas. Menurut ibunya, Lee tidak lagi dapat mengawal diri dan tidak berdisiplin



Beliau meluangkan masa lebih daripada 17 jam sehari menggunakan Internet, iaitu untuk membaca komik dan bermain permainan Internet.

dengan masa menggunakan komputer. Anaknya sudah tidak suka pergi ke sekolah dan kelihatan amat gembira apabila dapat memegang komputer. Menyedari yang anaknya menunjukkan gejala ketagih komputer, ibu Lee pun menghantar anaknya ke khemah pemulihan ketagih komputer untuk mendapatkan rawatan.

**Ketagih Internet boleh dirawat melalui terapi perubahan cara kerja yang terdapat di pusat pemulihan cara kerja. Selain itu, ketagihan komputer juga boleh dirawat melalui penglibatan dalam kumpulan sokongan yang menyediakan khidmat nasihat, aktiviti fizikal, mewujudkan hobi, aktiviti keluarga dan masyarakat.**

**Jika anda mengalami gejala ketagihan Internet, lakukanlah sesuatu untuk mengelakkan diri daripada terus terjerumus ke dalam masalah yang lebih besar. Jika segan untuk mengakui yang diri sendiri mengalami ketagihan komputer atau malu berjumpa kaunselor untuk mengatasi masalah ketagihan tersebut, mulakan langkah dengan menggunakan Internet secara positif dan mengikut panduan.**



Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

# PKINK TEMPAT KEEMPAT SUPERB 2012

**KOTA BHARU:** Kejohanan Mini Sukan PKEN (SUPERB) 2012 yang berlangsung di Kedah pada 28 hingga 30 Disember lalu melabuhkan tirainya dengan penuh warna warni suka duka bagi 12 Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri seluruh Malaysia yang menyertainya.

Kontinjen PKINK juga tidak ketinggalan menghantar seramai 69 peserta terdiri daripada atlet, pegawai pasukan dan sekretariat pasukan yang menyertai keseluruhan sukan yang dipertandingkan. Antara sukan yang dipertandingkan adalah golf, futsal, bola jaring, karom dan boling.



Sepanjang kejohanan berlangsung, Pasukan PKINK menunjukkan semangat juang yang tinggi untuk menjuarai kelima-lima acara sukan yang dipertandingkan. Biarpun pasukan golf dan bola jaring gagal untuk menempatkan diri ke pusingan separuh akhir, mereka tetap menjadi pesaing kepada pasukan lain diatas komitmen yang penuh konsisten.

Bagaimanapun, Pasukan futsal dan kerom berjaya menebus kekecewaan dengan merangkul pingat tempat ketiga sekaligus memberi suntikan moral kepada kem pasukan boling untuk turut merangkul pingat tempat ketiga menjadikan Kontinjen PKINK menduduki tempat keempat keseluruhan.

Melalui penganjuran SUPERB 2012 dapat memberi peluang kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri seluruh Malaysia medan untuk menjalin kerjasama, mengeratkan silaturrahim dan semangat setiaawan dalam suasana yang meriah dan mesra, tanpa mengira latarbelakang negeri.

Terdahulu, Majlis Penyerahan bendera telah dilakukan oleh Tuan Hj. Mohd Sabri Bin Abdullah selaku Ketua Eksekutif PKINK kepada Hj. Tuan Muhammad Faizal Bin Tuan Sulaiman selaku Ketua Kontinjen PKINK ke SUPERB 2012 sehari sebelum Kontinjen berangkat ke Kedah. 🌟



# Dingin Teduhan Syurgawi

## Bahagian 2 : AMANAH YANG TERABAI

Oleh A. Ubaidillah Alias

**D**ATO dan datin, tuan-puan yang budiman, duduklah sebentar sambil membaca ruangan ini. Ia hanya memakan masa yang ringkas sahaja, tidak lebih daripada lima minit. Kita renungi kedudukan diri dan menghalusi keadaan hati kita. Bukan untuk sesiapa, tetapi untuk diri kita sendiri. Saya percaya semua orang sibuk, namun jangan sampai kesibukan itu menjadikan kita jauh dari matlamat kehidupan.

Amanah kita terlalu banyak untuk dihitung, sehingga masa yang ada tidak memungkinkan kita melaksanakan semuanya sekaligus. Ada hal yang perlu didahulukan dan ada perkara yang boleh dilewatkan. Jadi, amanah siapakah yang kita utamakan dan amanah yang mana pula kita kemudiankan? Ramai orang menyedari bahawa dia seorang muslim dan bertuhankan Allah, dalam masa yang sama dia melupakan tanggungjawabnya kepada tuhan.

Allah SWT berfirman dalam sebuah hadis Qudsi “Wahai Adam, sesungguhnya aku telah menawarkan amanah kepada langit dan bumi tetapi mereka tiddak sanggup memikulnya, maka mampukah engkau memikul

Tidak ramai yang bersegera untuk menunaikan perintah Allah. Lihat sahaja perintah solat, berapa ramai yang istiqamah solat subuh berjemaah. Lihat pula soal haji, berapa ramai hartawan yang kaya tidak bergegas menunaikan haji.

apa-apa yang ada padanya?” Adam bertanya “Apakah gerangan yang akan aku perolehi dalam pelaksanaan amanah ini?” Allah menjawab “Jika engkau memikul (memelihara) amanah itu, engkau akan diberi pahala. Jika engkau mensia-siakkannya nescaya engkau akan disiksa.” Adam menjawab “Aku bersedia mendukung apa yang ada padanya” Tetapi tidak berapa lama dia tinggal di dalam syurga melainkan sekadar waktu antara solat subuh dan asar, akhirnya syaitan mengeluarkannya

dari dalam syurga itu. (Diriwayatkan oleh Abu Syeikh dari Ibnu Abbas RA)

Begini ramai orang yang diberikan kehidupan yang cukup dari segi makanan, minuman, pakaian,



kenderaan dan tempat tinggal. Ada yang hidup sederhana dan mewah. Namun, tidak ramai yang bersegera untuk menunaikan perintah Allah. Lihat sahaja perintah solat, berapa ramai yang istiqamah solat subuh berjemaah. Lihat pula soal haji, berapa ramai hartawan yang kaya tidak bergegas menunaikan haji. Sedangkan mereka memakai gelaran dato' dan datin, tan sri dan macam-macam lagi.

Bukankah ini satu sikap main-main dengan perintah Allah? Seakan-akan perintah agama itu suatu yang boleh dilupakan. Kita harus sedar bahawa Allah juga memberi peringatan sebagaimana dalam sebuah hadis Qudsinya yang tertulis “Sesungguhnya seorang hamba yang telah aku berikan kesihatan badannya dan aku luaskan rezekinya, tetapi dia tidak mahu berkunjung (menunaikan haji) kepadaku setelah empat tahun (dia mendapat kesihatan dan rezeki) maka aku menghalangnya daripada mendapat pahala (dalam ibadat lain)”

(Riwayat Thabrani dari Abu Hurairah)

Nah! Ini suatu penegasan bahawa sesiapa yang mengabaikan tuntutan haji selama empat tahun sedangkan dia sudah punya kesihatan dan kekayaan. Hartanya sudah cukup dan membolehkan dia pergi menunaikan haji di Mekah. Namun dia sengaja menangguhkan ibadat itu atas sebab-sebab dunia. Maka, dia tidak akan diberikan pahala oleh Allah SWT untuk ibadat lain yang dikerjakan sehingga dia menunaikan amanah itu.

Ada pula orang yang mampu menyelesaikan tuntutan haji di usia muda, mereka berusaha dengan gigih untuk mengumpul duit dan sanggup memenuhi panggilan Allah SWT terlebih dahulu. Maka sudah pasti ianya tidak mudah. Kerana ada orang yang sanggup membayar pinjaman kereta, pinjaman rumah, membeli aksesori untuk rumah dan perabot. Mereka sanggup menghabiskan ribuan ringgit untuk memenuhi selera nafsu. Disebabkan itu mereka gagal

memenuhi jemputan Allah SWT di Makkatul Mukarramah.

Bagi yang berjaya melaksanakan ibadah haji, syukur kepada Allah SWT. Namun, harus diperiksa niat dan tujuan itu biarlah benar-benar ikhlas. Dikhawatir jika niatnya itu bercampur riak atau untuk mendapat gelajaran ‘Haji’ semata-mata. Maka ibadat itu tidak akan makbul atau mabru.

Dalam suatu hadis qudsi yang lain Allah berfirman “Nanti pada hari kiamat akan dihadirkan kitab amal yang tertutup, maka ia diletakkan di hadapan Allah SWT. Allah berfirman “Lemparkan inil!” Malaikat menjawab “Demi kemuliaan engkau, kami tidak melihat apa-apa di dalamnya melainkan kebaikan semuanya” Allah menjawab “Semua amalan ini dilakukan bukan untuk wajahku, dan aku tidak sekali-kali akan menerima amal kecuali apa yang dikerjakan semata-mata mengharapkan keredhaan wajahku” (Diriwayatkan oleh al-Bazzar dan At-Tabrani, ianya Sahih)

Dato Datin, tuan puan serta pembaca sekalian. Kita pasti berbangga dengan setiap kerja yang dilakukan, kita pasti mahu ada orang memuji dan memberikan respon atas keberhasilan. Kita mahu semua orang tahu kita berjaya meraih suatu pencapaian. Namun, semua itu tidak penting di sisi Allah. Paling utama adalah siapakah di antara kita yang mampu melakukan sesuatu amalan hanya ikhlas kepadanya. Kerana itulah sebagai pahala yang akan diterima di akhirat. Selain dari itu, sia-sia belaka.

Hakikatnya, kita tidak bekerja untuk pujian manusia. Kita sepatutnya bekerja untuk Allah SWT. Maka, utamakan amanah Allah dari amanah selainnya. Semoga kita mampu berteduh di bawah bayangan syurga nanti. In sya Allah!